

TEMA KEMISKINAN DALAM NOVEL BIDAYAH WA NIHAYAH DAN RANJAU SEPANJANG JALAN: ANALISIS PERBANDINGAN

THEME OF POVERTY IN THE NOVEL BIDAYAH WA NIHAYAH AND MINES ALONG THE ROAD: A COMPARATIVE ANALYSIS

Ahmad Redzaudin Ghazali ¹, Mohamad Rofian Ismail ², Khairatul Akmar Abd Latif ³

¹ Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

redzaudin@kuis.edu.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

mohdrofian@kuis.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

khairatulakmar@kuis.edu.my

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 14 Oktober 2022 | Selepas Pembetulan: 22 Nov 2022 | Diterima untuk terbit: 30 Nov 2022

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tema kemiskinan dalam dua buah novel pilihan iaitu novel Bidayah wa Nihayah (BWN) yang ditulis oleh Najīb Mahfūz pemenang hadiah nobel kesusasteraan pada tahun 1988 yang berasal dari Mesir dan Novel Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) hasil karya Sasterawan Negara Shahnun Ahmad. Kajian ini menyentuh tentang tema kemiskinan dengan menggunakan teori perbandingan tematik. Reka bentuk penyelidikan kualitatif dipilih untuk menjawab objektif kajian melalui kaedah kajian teks analisis perbandingan tematik dan kajian kepustakaan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa terdapat beberapa persamaan tentang tema kemiskinan diantara kedua-dua novel, diantaranya yang paling ketara ialah jalinan plot cerita yang bermula dengan mehnah kematian (BWN) dan ditimpa penyakit busung (RSJ) kepada ketua kedua-dua keluarga. Permulaan dan penutup kepada plot juga bermula dan berakhir dengan tragis iaitu membunuh diri (BWN) dan gila yang tidak sembuh (RSJ).

Kata kunci : Teori perbandingan tematik, Bidayah wa Nihayah, Ranjau Sepanjang Jalan, Najīb Mahfūz, Shahnun Ahmad

ABSTRACT

This study discusses the theme of poverty in two selected novels, namely the novel Bidayah wa Nihayah (BWN) written by Najīb Mahfūz, winner of the Nobel prize for literature in 1988 from Egypt, and the novel Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) by National Literary Author Shahnun Ahmad. This study touches on the theme of poverty by using thematic comparative theory. A qualitative research design was chosen to answer the

research objectives through textual analysis, thematic comparative analysis and literature review. The results of the research show that there are some similarities about the theme of poverty between the two novels, among which the most significant is the interweaving of the story plot that begins with death (BWN) and dysentery (RSJ) to the heads of both families. The beginning and end of the plot also begins and ends tragically with suicide (BWN) and incurable madness (RSJ).

Key Words: Thematic comparative theory, *Bidayah wa Nihayah*, *Ranjau Sepanjang Jalan*, Najīb Mahfūz, Shahnnon Ahmad

1.0 Pengenalan

Kertas kerja ini meneliti tema kemiskinan dalam dua buah novel *Bidayah wa Nihayah* karya Najīb Mahfūz dan *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad dan perbandingan diantara kedua-dua novel tersebut. Najīb Mahfūz atau nama sebenarnya Abdelaziz Ibrahim Ahmed Al-Basha ialah seorang penulis Mesir yang telah memenangi Hadiah Nobel dalam Kesusasteraan pada tahun 1988. Dilahirkan di Kaherah pada tahun 1911, Najīb Mahfūz mula menulis ketika berusia tujuh belas tahun. Novel pertamanya diterbitkan pada tahun 1939 dan diikuti sepuluh buah lagi ditulis sebelum Revolusi Mesir pada Julai 1952, yang mana dia berhenti menulis selama beberapa tahun. Setelah itu sebuah novel telah diterbitkan semula pada tahun 1953, bagaimanapun, dengan kemunculan Triologi Kaherah, *Bayn al Qasrayn*, *Qasr al Shawq* dan *Sukkariya* (Antara-Istana, Istana Rindu, Rumah Gula) pada tahun 1957 menjadikan beliau terkenal di seluruh dunia Arab. Dengan terhasilnya novel *Awlad Haratina* (1959), dia mula menulis dalam metod baru yang sering menyembunyikan kecenderungan dan sikap kritisnya terhadap politik semasa dengan mengaplikasi gaya alegori dan simbolisme. Gaya baru penulisannya ini banyak mewarnai karya-karya penulisan beliau seperti novel, *al-Liss wa al-Kilab* (1961), *As-Suman wa al-Kharif* (1962), *Thartharah Fauq al-Nili* (1966), dan *Miramar* (1967), serta beberapa antologi cerpen. Sepanjang hayatnya beliau pernah berkhidmat dan menjawat jawatan yang penting dalam sektor awam. Dalam konteks penulisan kreatif imaginatif beliau telah menghasilkan tiga puluh lima buah novel dan lebih daripada dua ratus buah cerpen. Novel *Bidayah wa Nihayah* telah dihasilkan oleh beliau pada tahun 1949.

Profesor Emeritus Dato' Dr. Haji Shahnnon bin Ahmad yang dilahirkan pada tahun 1933 Banggol Derdap, Sik, Kedah ialah seorang penulis yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Sasterawan Negara pada tahun 1982 atas sumbangan beliau dalam bidang kesusasteraan. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Profesor Emeritus di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Titik permulaan beliau dalam penulisan bermula tahun 1956 dan karya awalnya yang merupakan karya terjemahan telah tersiar dalam majalah *Mastika*. Karya pertama yang menaikkan nama beliau dalam penulisan novel ialah *Rentong* yang mengangkat tema kemasyarakatan berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat desa di kampung Banggol Derdap. Bertolak dari situ beliau telah menghasilkan pelbagai bentuk penulisan seperti cerpen, novel, esei serta kritikan. Dalam konteks karya berbentuk kreatif imaginatif beliau sering mengungkapkan penderitaan manusia desa dan kehidupan di bandar-bandar. Sepanjang penglibatannya dalam dunia penulisan kreatif

beliau telah menghasilkan sebanyak lapan belas buah novel dan lima belas buah antologi cerpen termasuk secara bersama. Novel Ranjau Sepanjang Jalan yang dibicarakan dalam kertas kerja ini ditulis oleh beliau telah diterbitkan pertama kali pada tahun 1966.

2.0 Pendahuluan

Permasalahan kemiskinan adalah antara masaalah yang banyak mendapat perhatian dikalangan penulis-penulis dari dunia ketiga terutamanya ketika mana negara-negara tersebut baru sahaja mencapai kemerdekaan. Fenomena ini terjadi kerana keadaan masyarakat pada waktu itu telah diselubungi dengan masaalah kemiskinan yang serius. Kemiskinan yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat waktu itu bukan sahaja melibatkan faktor kewangan, malah bersifat kebendaan seperti tempat tinggal dan keperluan asas yang lain. Permasalahan kemiskinan ini bukan sahaja melanda masyarakat bawahan di luar bandar malahan turut dideritai oleh masyarakat menengah dibandar (Ramli Isin 1997).

3.0 Tema Kemiskinan Dalam Bidayah Wa Nihayah

Menurut Zaghlūl Salām (1973:106), kemiskinan yang menggigit kehidupan masyarakat bawahan di Mesir mula dirasakan dengan kejayaan Muhammad Ali menguasai tampok pemerintahan kerajaan Mesir pada awal kurun ke19 dan merampas tanah-tanah kepunyaan petani. Para petani yang dulunya hidup dengan hasil tanaman bagi menyara hidup mereka, akhirnya terpaksa bergantung nasib dengan upah yang sangat kecil daripada tuan-tuan tanah yang merupakan golongan bangsawan pada waktu itu. Hasilnya lahirlah masyarakat minoriti yang menguasai kekayaan sementara masyarakat bawahan yang merupakan majoriti pula hidup seperti hamba yang tidak mempunyai apa apa.

Kedatangan penjajah Inggeris selepas itu tidak banyak merubah fenomena yang ada. Malahan keadaan menjadi bertambah buruk apabila mereka juga melakukan penindasan ke atas masyarakat awam Mesir untuk mengaut keuntungan di tanah jajahan mereka tersebut. Dengan menggunakan berbagai-bagai helah dan tipudaya mereka cuba menguasai kekayaan dan hasil bumi negara jajahan mereka itu walaupun mendapat tentangan yang hebat dari masyarakat tempatan.

Selepas berakhirnya peperangan dunia pertama Mesir mengalami krisis ekonomi yang sangat serius dan memberi impak yang buruk kepada masyarakat bawahan dan menengah di Mesir. Hinggalah pada awal 1930an kesan dari krisis ekonomi tersebut masih lagi berterusan mencengkam masyarakat bawahan dan menengah. Kemiskinan yang mendesak kehidupan masyarakat pedalaman membawa sebahagian daripada mereka berhijrah ke kota Qaherah untuk mencuba untung nasib di sana. Namun pada masa yang sama ketika masyarakat Marhaen berhempas pulas bergelut untuk meneruskan kehidupan yang mencabar, golongan bangsawan dan atasan hidup serba mewah dengan hasil keringat yang diperah dari golongan bawahan ini.

Natijah dari ketidaksamaan taraf dan cara hidup yang begitu ketara antara dua golongan pada waktu itu akhirnya mencetuskan rasa ketidakpuasan hati dari sebelah pihak yang merasakan mereka ditindas. Bibit-bibit penentangan mula kelihatan dengan

munculnya demonstrasi-demonstrasi jalanan oleh masyarakat awam, namun keadaan ini tidak mampu mengubah keadaan yang ada. Justeru, tidak hairanlah dengan teretusnya revolusi 23 Julai 1951 bawah pimpinan pihak tentera, golongan ini telah memberi sokongan yang tidak berbelah bagi dengan harapan pihak tersebut akan dapat mengubah nasib mereka.

Bagi seorang novelis yang begitu prihatin terhadap nasib masyarakat bawahan seperti Najīb Mahfūz, permasalahan kemiskinan yang melanda masyarakat Mesir pada waktu tersebut begitu sinonim dengan karya-karyanya. Novel-novelnya seperti *Al-Qāhirah al-Jadīdah* (1946), *Zuqāq al-Midaq* (1947) dan *Bidāyah wa Nihāyah* (1949) adalah antara karya-karyanya yang menyentuh hal tersebut secara langsung. Sementara itu, dalam novel-novelnya yang lain pula, beliau tidak pernah ketinggalan memperkatakan hal tersebut walaupun secara tidak langsung. Bagi Najīb Mahfūz, kemiskinan adalah umpama barah yang memakan tubuh manusia sedikit demi sedikit sehingga boleh menyebabkan manusia itu kehilangan pertimbangan akal yang rasional. Bagi manusia seperti ini yang telah dikuasai oleh hawa nafsu, sudah tentulah mudah sahaja menjadi penyebab kepada konflik sosial yang serius.

Diantara novel Najīb Mahfūz yang mengangkat tema kemiskinan sebagai permasalahan utamanya ialah *Bidāyah wa Nihāyah*. *Bidāyah wa Nihāyah* ialah sebuah novel yang mengisahkan kehidupan sebuah keluarga selepas kematian ayah yang merupakan tonggak ekonomi keluarga tersebut. Novel yang berlatar belakangkan masyarakat Mesir pada tahun 1930an ini mengajak khalayak pembaca menghayati penderitaan Ummu Hassanain (Samīrah) dan keluarganya. Ekoran dari kematian suaminya, beliau terpaksa menguruskan keluarganya sendiri. Bagi Kamil °Alī yang hanya menjawat jawatan rendah di sebuah kementerian sebelum kematiannya, sudah tentulah tidak mampu meninggalkan harta pusaka yang banyak untuk membantu keluarga selepas pemergiannya.

Sebagai seorang balu, Samīrah empat orang anak yang masih berusia remaja, terpaksa meneruskan kehidupan dalam keadaan yang serba kekurangan. Di sinilah bermulanya sebuah kisah yang penuh tragik, kerana seorang ibu terpaksa membesarkan anak-anaknya tanpa sumber pendapatan yang tetap dan mencukupi. Segala-galanya perlu diuruskan dengan baik. Perbelanjaan terpaksa dikurangkan. Pemberian wang saku sekolah Hasanain dan Hussain terpaksa dihentikan. Makanan juga perlu dicatu bagi menjamin keperluan sehari-hari yang akan datang (Najīb Mahfūz 1949). Rumah sewa mereka yang selesa sebelum ini terpaksa ditinggalkan dan berpindah kerumah yang lebih kecil untuk menjimatkan wang (ibid., hlm. 37). Apabila keperluan semakin mendesak, wang simpanan pula semakin berkurangan, mereka terpaksa menjual peralatan rumah satu demi satu bagi menampung keperluan perbelanjaan harian.

Beberapa peristiwa sedih, menyayat hati dari awal hinggalah ke kesudahan cerita yang penuh tragik disusun dan dijalin begitu rapi oleh Najīb Mahfūz untuk memberi kesan yang mendalam kepada khalayak. Di samping itu tidak ketinggalan juga selitan dialog-dialog yang mengkritik dan menggambarkan ketidakpuasan hati masyarakat bawahan terhadap keadaan jurang sosial yang wujud antara mereka dengan golongan atasan.

Dalam keadaan yang serba kekurangan, Hassān anak sulung dalam keluarga ini yang tidak mempunyai pekerjaan tetap akhirnya terperangkap dalam kegiatan jenayah. Bagi mencari nafkah, beliau telah menjadi kepala samseng di kampungnya. Bermula dengan memeras ugut penduduk kampung beliau kemudiannya bekerja sebagai pelindung sarang pelacuran. Bagi mendapatkan hasil yang lebih lumayan, beliau telah melibatkan diri dengan sindiket pengedaran dadah. Namun begitu, akhirnya beliau telah menjadi buruan polis dan terpaksa menghilangkan diri.

Husain anak lelaki kedua Kamāl °Alī ialah seorang anak yang taat. Berbeza dengan Hassān dan Hassanain yang sentiasa membantah pendapat ibu mereka, beliau pula bersikap sebaliknya. Dengan niat untuk membantu dan meringankan beban ibunya beliau terpaksa memadamkan hasratnya untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Setelah menamatkan pengajian peringkat menengah, beliau tidak melanjutkan pelajarannya ke Universiti sebaliknya mencari pekerjaan untuk menampung perbelanjaan dan keperluan keluarga. Beliau juga rela mengorbankan cita-citanya sendiri dengan memberikan laluan kepada adiknya untuk menyambung pelajaran. Dengan pertolongan seorang kenalan lama ayahnya Ahmad Yusrī Bey, beliau berjaya mendapat pekerjaan sebagai seorang kerani di sebuah sekolah menengah yang terletak di bandar Tanta (ibid., hlm. 185).

Sementara itu, anak perempuan tunggal Kamāl °Alī pula mempunyai masalah yang tersendiri. Nafisah digambarkan oleh Najīb Mahfūz sebagai wanita yang kurang bernasib baik. Beliau ditakdirkan sebagai seorang gadis yang serba kekurangan baik dari segi pendidikan mahupun paras rupa. Kerana tidak mempunyai asas pendidikan yang tinggi, beliau tidak berpeluang untuk bekerja di mana-mana jabatan kerajaan. Namun, bagi membantu meringankan beban kewangan keluarganya, beliau bekerja mengambil upah sebagai tukang jahit (pekerjaan yang dipandang hina oleh adiknya Hasanain). Seperti gadis-gadis remaja lain yang dahagakan cinta, Nafisah telah berkenalan dengan Salmān Jabīr (anak peniaga kedai runcit yang selalu dikunjungnya). Namun setelah diperdaya dengan cinta palsu beliau akhirnya sanggup menyerahkan maruahnya. Setelah menyadari dirinya hanya dipermainkan oleh Salmān, beliau telah mengalami tekanan jiwa. Dengan paras rupa yang tidak seberapa ditambah pula maruahnya yang telah hilang, masa depannya bertambah gelap. Seorang gadis yang tidak suci lagi sepertinya, tidak dapat diterima lagi oleh masyarakat. Keadaan yang mendesak akhirnya memaksa Nafisah menjual maruah dirinya sebagai seorang pelacur tanpa pengetahuan keluarganya. Namun akhirnya, rahsia itu terbongkar juga setelah beliau ditangkap oleh pihak berkuasa dalam satu serbuan. Kemuncak dari krisis kejiwaan yang dialaminya, beliau memilih untuk membunuh diri dengan mencampakkan diri ke dalam sungai Nil sebagai satu penyelesaian kepada penderitaan tersebut.

Kemiskinan juga seperti yang digambarkan oleh Najīb Mahfūz dalam *Bidāyah wa Nihāyah* menjadi penyebab kepada terbentuknya jurang sosial yang besar dalam sesebuah masyarakat. Kemiskinan yang menduri dalam daging kehidupan keluarga Allahyarham Kamāl °Alī adalah faktor utama peminangan Hasanain terhadap anak perempuan Ahmad Yusrī Bey ditolak. Pada pandangannya dengan menerima Hasanain (yang merupakan adik kepada Hassan seorang penjenayah) sebagai menantunya akan menjejaskan maruahnya sahaja. Di samping itu Ahmad Yusrī Bey juga menolak peminangan itu dengan alasan darjat mereka adalah tidak sama. Beliau beranggapan keluarga Allahyarham Kamāl °Alī mempunyai status sosial yang lebih

rendah berbanding dirinya. Justeru, Hassanain tidak layak menjadi menantu keluarganya.

Watak Hasanain dalam novel ini digambarkan oleh Najīb Mahfūz sebagai seorang yang bersikap individualistik dan hanya mementingkan dirinya sendiri sahaja. Jika diamati kepada kisah hidup yang dilaluinya, sikap tersebut sebenarnya adalah kesan dari penderitaan batin yang dialaminya dalam menghadapi takdir kehidupan sebagai anak yatim yang miskin. Monolog dalaman ini dapat menggambarkan sikapnya itu:

... اننا نأكل بعضنا بعضا ينبغي أن نسر بتهريج حسن و عبثه ما دام يجيئنا كل شهر بفخذ خروف و ينبغي أن نسر بأختنا الخياطة ما دامت تعد لنا لقمتنا الجافة وهذا الشاب المتذمر (حسنين) ينبغي أن يسر بانقطاعي عن التعليم ما دام سيتم تعليمه. يأكل بعضنا بعضا أي وحشية! أي حياة! لعلني لا أجد إلا عزاء واحدا وهو قوة أكبر منا جميعا تطحننا طحنا وتلتهمنا التهاما وأنا نصمد ونقاتل ...

beliau merasakan takdir kemiskinan ke atas dirinya itu membuat kehidupannya sengsara dan menganggap ini adalah satu gejala yang tidak dapat dihapuskan lagi. Lebih jauh dari itu beliau tidak dapat menerima hakikat kemiskinan dan kesengsaraannya dan sering sahaja menyalahkan ayahnya yang mewariskan kepada mereka. Pada masa yang sama beliau sentiasa mengimpikan kehidupan yang penuh dengan kesenangan, kemewahan, dan kemegahan:

... حسنين يخاطب نفسه في فيلا احمد بك يسرى ... " ما أجمل أن املك هذه الفيلا وأنام فوق هذه الفتاة "

... كان كل عضو من جسدها الساخن يهتف بي قائلا : " سيدي هذه هي الحياة اذا ركبتها ركبت طبقة بأسرها

Melalui *Bidāyah wa Nihāyah* juga Najīb Mahfūz cuba melontarkan kritikan terhadap institusi sosial pada waktu itu yang bersikap tidak adil. Antaranya ialah ketidakpuasan hatinya terhadap kewujudan secara jelas jurang kelas taraf hidup yang membezakan masyarakat Mesir di antara satu sama lain. Gambaran perasaan itu dapat dilihat di dalam perbualan antara Hassanain dan abangnya Husain (ibid., hlm.182) :

يجب أن نكون جميعا أغنياء ..
وإذا لم يكن هذا؟!
إذن يجب أن نكون جميعا فقراء ..
وإذا لم يكن هذا!؟

فقال بحنق :
إذن نثور ونقتل ونسرق ..
فابتسم حسين قائلاً :
هذا ما نفعله منذ آلاف السنين ..

Keseluruhannya, *Bidāyah wa Nihāyah* bukan sahaja sebuah cereka yang mengisahkan perjuangan sebuah keluarga miskin di pinggir kota Kaherah dalam meneruskan kelangsungan hidup, malah lebih daripada itu ia sebenarnya adalah sebuah novel yang cukup berjaya dalam merakam dan mengetengahkan isu permasalahan dan penderitaan masyarakat kelas bawahan di Mesir. Di samping itu Najīb Mahfūz juga cuba membawa khalayak untuk merenungi satu hakikat bahawa masalah kemiskinan ialah masalah yang boleh menjadi penyebab kepada timbulnya permasalahan lain yang lebih buruk. Hassān terperangkap dalam gangsteriasme dan dadah, manakala Nafisah melacurkan diri, dan Hassanain pula menghadapi masalah kejiwaan yang serius. Kesemuanya ini terjadi dalam *Bidāyah wa Nihāyah* adalah berpunca daripada masalah kemiskinan yang menghimpit hidup mereka.

4.0 Tema Kemiskinan Dalam Ranjau Sepanjang Jalan

Bagi novelis Malaysia iaitu Shahnnon Ahmad, permasalahan kemiskinan dalam kehidupan masyarakat bawahan adalah tema utama penulisannya bermula dari novel pertamanya iaitu *Rentong*. Sejak dari terhasinya novel tersebut, novel-novel yang menyusul kemudiannya juga tidak pernah lekang dari memperkatakan hal tersebut. Sehubungan itu menurut seorang pengkaji David J. Banks, Shahnnon memang benar-benar ingin meluahkan perasaannya tentang permasalahan kemiskinan masyarakat kampung yang tidak mempunyai tanah dan berada dalam keadaan mundur lewat novel-novel yang dihasilkannya (Ramli Isin 1997). Hal yang sama diakui oleh para pengkaji yang lain seperti Sohaimi Abdul Aziz (1992: 60), yang beranggapan tahun-tahun 60an dan 70an Shahnnon dilihat benar-benar obsess dengan kemiskinan anak bangsanya. Karya terbaik Shahnnon *Ranjau Sepanjang Jalan* diikuti oleh novel lainnya seperti *Seluang Menodak Baung* adalah contoh terbaik dalam meneliti hal ini. Karya yang dihasilkan pada tahun 60an dan 70an tersebut jika diteliti, sebenarnya adalah realiti sebenar kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar pada waktu itu.

Menurut satu kajian yang dijalankan ke atas sosio-ekonomi penduduk Malaysia pada tahun 1967 dan 1968, lebih 65.7 peratus orang Melayu bekerja dalam bidang pertanian dengan pendapatan purata perkapita tiga ratus sembilan puluh lima ringgit sahaja. Ini adalah satu jumlah yang terkecil jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain di Malaysia. Mengikut bancian tahun 1960, dua pertiga daripada pesawah tidak mempunyai tanah, cuma dua puluh peratus daripada petani mempunyai sawah tersendiri. Bagi mereka yang mempunyai tanah itu pula, kebanyakan tanah sawah mereka kecil. Menurut laporan Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) pula, hampir semua sawah-sawah padi dimiliki oleh orang Melayu tetapi kebanyakan daripada mereka ini boleh dikatakan menyewa tanah tersebut (A. Wahab Ali 1989).

Kesimpulan dari fakta-fakta di atas, bolehlah dikatakan sebahagian besar masyarakat Melayu pada tahun-tahun 1960an dan 1970an yang mendiami kawasan luar bandar adalah terdiri daripada petani-petani yang rata-ratanya adalah miskin, berpendapatan rendah dan, mundur. Di samping itu kurangnya peluang untuk

mendapat pendidikan yang sempurna kepada anak-anak kampung telah menyebabkan keadaan menjadi lebih buruk. Tanpa pendidikan yang sempurna sudah tentulah usaha-usaha untuk memberi kesedaran dan membawa mereka keluar dari kepompong masalah tersebut adalah bertambah sukar.

Permasalahan petani dan masyarakat desa seperti yang dinyatakan di atas adalah permasalahan masyarakat dan negara. Sasterawan sebagai salah seorang anggota masyarakat, sewajarnya berkongsi bersama dalam mencari jalan penyelesaian bagi permasalahan tersebut. Sebagai seorang *mediator of society* permasalahan ini perlu diterjemahkan ke dalam karya-karya mereka seterusnya diketengahkan kepada khalayak sebagai bahan berfikir dan tindakan untuk pihak yang berwajib.

Menyedari hakikat tersebut, *Ranjau Sepanjang Jalan* yang merupakan novel ketiga Shahnnon Ahmad akhirnya terhasil. Seperti yang dinyatakan olehnya sendiri “ ... saya mengambil masa selama tiga bulan untuk menyiapkan Ranjau Sepanjang Jalan. Dalam proses menyiapkannya ada satu isu yang tidak dapat disingkirkan daripada fikiran. Isu itu ialah kemiskinan” (1991: 374). Pada Shahnnon, walaupun Ranjau Sepanjang Jalan berlatarbelakangkan kampung Banggul Derdap yang kecil lagi terpencil, namun pada hakikatnya ia menggambarkan keadaan semua kampung di Malaysia, terutamanya yang menjadikan sawah padi sebagai mata pencarian utama. Sebagai seorang penulis yang berasal dari kampung, beliau ternyata berjaya menjiwai permasalahan tersebut. Malahan Kampung Banggul Derdap itu sebenarnya adalah tempat kelahiran Shahnnon dan tempat beliau dibesarkan. Justeru tidak hairanlah jika menurut M. Yusof Hassan (1995: XXVII) novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dianggap berjaya dalam mengetengahkan isu kemiskinan di dalam karyanya dengan ketelitian pengarangnya mempersoalkan kemiskinan (dengan dibantu oleh teknik penulisan yang sangat baik). Ini adalah kerana ianya memang realiti sebenar kehidupan awal remajanya.

Perjalanan cerita *Ranjau Sepanjang Jalan* berkisar tentang penderitaan sebuah keluarga tani di sebuah desa yang bernama Banggul Derdap. Lahuma sebagai ketua sebuah keluarga yang terdiri dari tujuh orang anak bersama isterinya Jeha, bergantung kepada sawah seluas empat belas relung untuk menyara kehidupannya dan keluarga. Dengan mengusahakan penanaman padi secara tradisional, ditambah pula dengan tanah pusaka yang tidak seluas mana, sudah tentulah kehidupannya boleh diibaratkan sebagai sekadar mencukupi untuk menyara hidup secara ala kadar (Shahnnon 1966).

Selepas kematian Lahuma akibat tercucuk duri nibung, keluarga yang sudah sedia miskin ini mengalami masalah yang lain pula. Lahuma yang telah mewarisi kemiskinan itu dari bapanya, mewariskannya pula kepada keluarganya. Kematian lahuma juga bererti hilangnya tenaga utama dalam mengusahakan sawah padi mereka. Tugas mengendalikan keluarga ini berpindah pula kepada Jeha. Namun, Jeha yang mengalami renjatan emosi akibat kematian suaminya, ternyata tidak mampu bertahan lama. Sebelum tibanya musim menuai, akhirnya Jeha menjadi gila.

Ketiadaan Lahuma dan Jeha, tugas untuk mengepalai keluarga ini terpaksa dipikul oleh Sanah, anak sulung mereka. Sanah yang masih muda terpaksa memikul tugas yang berat ini dengan dibantu oleh adik-adiknya. Mereka terpaksa berhadapan dengan segala macam bencana alam yang mengancam sawah padi mereka. Bermula

dengan ketam yang menyerang dan mengetis batang padi lalu menumbangkannya (1966: 130), kemudian mereka berhadapan pula dengan banjir membawa bersama sampah sarap yang berat dan kotor. Sampah sarap yang kadang-kadang turut hanyut bersamanya batang balak dari bukit itu kemudiannya akan hinggap ke atas batang padi menindih dan memusnahkannya (1966: 150). Ketika padi sudah hampir masak mereka terpaksa pula berhadapan dengan gerombolan burung-burung tiak yang ingin berkongsi bersama hasil padi mereka (1966: 172). Setelah melalui semua bencana alam itu tadi sudah tentulah hasil padi tidaklah seberapa jumlahnya. Apatah lagi apabila yang mengusahakannya hanyalah tenaga-tenaga yang masih mentah dari segi tenaga dan pengalaman.

Apa yang cuba digambarkan oleh Shahnnon di sini sebenarnya ialah gambaran sebenar perjuangan hidup petani terutama dalam menghadapi ancaman alam semulajadi. Beberapa perkara yang menarik perhatian pengkaji di sini ialah sikap petani tradisional ini dalam mengharungi kehidupan seharian. Antaranya, ialah sikap pasif mereka yang suka menyerah kepada takdir dan ketentuan tuhan sahaja. Ini jelas dapat dilihat dari frasa “ Mati hidup dan susah senang dipegang oleh tuhan. Dipegang oleh Allah azzawajalla “ yang menjadi pembukaan kepada novel ini dan diulang lagi kemudiannya beberapa kali. Frasa ini menunjukkan seolah-olah manusia itu tidak perlu lagi berusaha kerana rezekinya telah ditetapkan oleh Allah.

Walaupun menerima ketentuan Allah adalah satu sikap yang dituntut bagi seorang islam, tetapi berpegang bulat-bulat kepada pegangan seperti di atas tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dalam memajukan diri akan memberi akibat yang tidak baik kepada individu itu sendiri. Malahan, agama islam itu sendiri sebenarnya amat menggalakkan penganutnya menjadi manusia yang maju dan berjaya di dalam kehidupannya.

Seterusnya, ialah sikap para petani itu yang mengabaikan pendidikan anak-anak mereka. Dalam kes petani seperti Lahuma ini mungkin alasan yang diberikan ialah tenaga anak-anaknya lebih diperlukan untuk membantu mereka di sawah. Jelas di sini bagi seorang petani tradisi yang miskin Lahuma lebih mementingkan sawah padinya dari memberikan pendidikan kepada anaknya. Hal tersebut sebenarnya didorong oleh himpitan kemiskinan keluarganya. Beliau percaya dengan bertambahnya tenaga yang membantunya di sawah akan dapat meringankan beban kerjanya dan meningkatkan lagi produktiviti. Kesimpulan yang dapat diambil di sini ialah, kemiskinanlah yang menjadi penyebab kepada kegagalan mereka untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Sedangkan, pendidikan itu sepatutnya boleh menjadi pemangkin kepada perubahan status sosial mereka kepada yang lebih baik.

5.0 Perbandingan Antara *Bidāyah Wa An-Nihāyah* Dan *Ranjau Sepanjang Jalan*

Antara perkara yang cukup menarik perhatian untuk diperkatakan bagi kedua-dua novelis ini ialah persamaan yang wujud antara *Bidāyah wa an-Nihāyah* dan *Ranjau Sepanjang Jalan*. Walaupun kedua-dua novel ini dihasilkan dari dua buah negara dan tempoh masa yang berbeza namun kedua-dua novel ini mempunyai beberapa persamaan. Kedua-dua novel ini dilihat bukan sahaja mengemukakan tema yang sama, malah turut mempunyai perkembangan plot cerita yang hampir sama.

Tragedi kematian menjadi penyebab kepada bermulanya masalah dan tragedi juga adalah penutup yang mengakhiri kedua-dua cerita. Kematian Ahmad Kamal sebagai ketua keluarga membuka lembaran baru kehidupan balunya Ummu Hasanain dan anak-anaknya. Segala-galanya mula berubah selepas kematian tersebut. Begitu juga dengan kematian Lahuma di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Titik perubahan hidup Jeha yang menjadi janda dan anak-anaknya bermula selepas kematian tersebut. Keperitan dan penderitaan hidup sebagai anggota masyarakat yang menghadapi masalah kemiskinan dirasakan oleh kedua-dua ibu tunggal ini kesan dari pemergian suami masing-masing.

Tragedi juga mewarnai penutup kepada kisah hidup kedua-dua keluarga ini. Kematian adalah jawapan kepada kemuncak permasalahan hidup Hasanain dan Nafisah dalam *Bidāyah wa Nihāyah*. Sementara penyakit gila yang tidak dapat disembuhkan lagi adalah jawapan kepada permasalahan Jeha dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kematian dan gila yang menjadi penutup kepada kedua-dua novel ini seolah-olah memberi mesej kepada kita perjuangan menentang kemiskinan ini bukanlah satu perjuangan yang mudah.

Perbezaan kelas sosial yang wujud dalam masyarakat juga menjadi isu yang cuba ditimbulkan oleh kedua-dua penulis. Dalam *Bidāyah wa al-Nihāyah*, Najib mewujudkan watak Ahmad Yousri Bey seorang yang berada dan mempunyai status sosial yang tinggi. Sementara itu dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* wujud pula Tok Penghulu, seorang yang kaya dan juga mempunyai status sosial yang lebih baik berbanding masyarakat Kampung Banggul Derdap yang lain. Kedua-dua watak ini dilihat tidak banyak membantu menyelesaikan permasalahan kedua-dua keluarga, sebaliknya pangkat dan harta adalah lambang yang perlu dimegah-megahkan. Ahmad Yousri Bey contohnya, walaupun ada menghulurkan bantuan sedikit sebanyak kepada keluarga Ummu Hasanain, namun ini hanyalah kerana rayuan dan permintaan berkali-kali dari Hasanain. Pertolongan yang dihulurkan (seperti mencarikan pekerjaan untuk Husain) hanya akan di beri selagi perkara tersebut dirasakan tidak menyusahkannya. Beliau sebaliknya enggan mengahwinkan anak gadis beliau dengan Hasanain kerana merasakan Hasanain adalah dari keluarga miskin yang tidak sama taraf dengan keluarganya (Najib Mahfuz 1949). Pendirian beliau tersebut dapat menelanjangi peribadi beliau yang sebenarnya.

Tok Penghulu pula, sepatutnya adalah contoh dan penaung bagi masyarakat penduduk di sesebuah kampung. Namun, Tok Penghulu dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* dilihat tidak dapat menjalankan tugas yang sepatutnya dipikul olehnya. Jika tidaklah sewa yang dikenakan untuk menggunakan traktornya terlalu mahal, sudah tentulah masyarakat petani di Banggul Derdap akan dapat menikmati kemudahan tersebut yang memungkinkan hasil padi mereka bertambah baik. Malah, kemungkinan Lahuma yang tertusuk duri nibung hingga menyebabkan kematiannya juga, tidak berlaku.

Bantuan membajak sawah Jeha selepas kematian Lahuma juga sebenarnya bukanlah atas dasar keikhlasan hati, sebaliknya hanyalah untuk menunjuk-nunjuk di hadapan anak buahnya. Usahnya memanggil pihak yang berwajib bagi menangani masalah penyakit gila Jeha juga dilihat hanyalah dilakukannya selepas merasakan Jeha menyusahkan dan memalukannya. Sedangkan, jika beliau memanggil pihak yang

berwajib sewaktu Lahuma terlantar sakit, kemungkinan untuk Lahuma sembuh dari sakitnya adalah tinggi.

Walaupun mempunyai beberapa persamaan seperti yang dibincangkan sebelum ini, namun tidak dapat dinafikan wujudnya perbezaan tertentu antara kedua-dua novel tersebut. Hasil daripada pembacaan dan penelitian, pengkaji mendapati perbezaan yang wujud di antara keduanya adalah kerana sebab-sebab tertentu. Perbezaan latar belakang atau tempat berlakunya kedua-dua peristiwa adalah faktor utama yang mempengaruhi perbezaan tersebut. Keluarga Kamal Ali (di dalam *Bidāyah wa Nihāyah*) tinggal berhampiran Syari^c Syubrā (pinggir kota Kaherah) kemudiannya berpindah ke Misr Jadidah yang masih boleh dianggap di dalam bandar Kaherah. Justeru, walaupun miskin namun corak berfikir dan motivasi untuk memajukan diri mereka sudah tentulah tidak sama dengan keluarga Lahuma yang mendiami desa yang mundur. Di samping itu, kemudahan yang serba daif sebagai penduduk kampung sudah tentulah tidak sama dengan apa yang dinikmati oleh mereka yang tinggal di kota. Dari segi pendidikan contohnya, Hussain dan Hassanain telah mendapat pendidikan yang secukupnya kerana kesedaran mereka tentang pentingnya pendidikan. Kemudahan untuk mendapat pendidikan juga jelas dapat dilihat dengan wujudnya sekolah yang terletak tidak jauh dari rumah mereka. Sementara itu, bagi Nafisah pula, perkara yang menghalangnya dari mendapat pendidikan adalah kerana persepsi yang salah dari kedua ibu bapanya dan masyarakat awam umumnya. Bagi mereka, anak perempuan tidak perlu mendapat pendidikan yang tinggi (cukup sekadar tahu membaca dan menulis sahaja) kerana tugas mereka setelah berkahwin nanti hanyalah sebagai suri rumah. Sementara itu bagi Lahuma pula pendidikan itu tidak penting kerana kurangnya kesedaran di dalam dirinya terhadap kepentingan pendidikan itu sendiri. Tambahan pula dengan kedudukan sekolah yang agak jauh, Lahuma lebih cenderung untuk memberhentikan sahaja persekolahan anaknya. Beliau berpendapat dengan tidak pergi ke sekolah anak-anaknya itu dapat juga membantu meringankan bebannya di sawah. Selain pendidikan, jika ditinjau dari sudut mobiliti sosial pula, keluarga Kamāl Ali mempunyai kesedaran yang lebih untuk memajukan diri mereka. Ini mungkin dipengaruhi oleh faktor sekeliling mereka yang sentiasa mendesak mereka untuk bersaing bagi merebut peluang kesenangan yang dimiliki oleh golongan yang berada di sekeliling mereka. Bagi Lahuma dan keluarganya, mereka tidak terdorong ke arah itu kerana masyarakat sekeliling mereka semuanya mengalami nasib yang sama seperti mereka, iaitu kaya dengan kemiskinan.

Antara perkara yang menarik untuk diperkatakan dalam membaca kisah-kisah penderitaan dan perjuangan masyarakat miskin dalam tulisan kedua-dua pengarang ini ialah latarbelakang dan plot-plot di dalam novel mereka. Shahnnon Ahmad melalui novel, hampir keseluruhan menggunakan kampung sebagai latar penceritaannya yang berkaitan dengan kemiskinan. Hal tersebut agak berbeza dengan Najīb Mahfūz yang kisah-kisahannya hanyalah berlaku di sekitar kota Qāhirah dan Iskandariah yang bolehlah dianggap sebagai kisah masyarakat kota. Walaupun novel *Bidāyah wa Nihāyah* adalah sebuah novel yang bertemakan kemiskinan, namun perjalanan ceritanya berlaku di sekitar kota Qāherah.

Kesimpulan yang dapat dibuat di sini ialah peranan persekitaran kerana tempat tinggal penulis itu sebenarnya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tulisan seseorang penulis. Persekitaran yang didiaminya itulah yang sebenarnya membantu menghasilkan karyanya. Oleh itu, bagi Najīb Mahfūz yang sememangnya

dilahirkan, dibesarkan, dan kemudiannya tinggal di dalam masyarakat kota maka sudah tentu tumpuan penceritaannya terhadap masyarakat tersebut. Hal yang sebaliknya bagi Shahnnon Ahmad, beliau dilahirkan dan dibesarkan di tengah masyarakat desa dan tidak hairanlah kisah-kisah yang ditulisnya juga banyak berkaitan dengan kehidupan masyarakat desa. Namun, setelah beberapa lama berhijrah ke kota, Shahnnon mula menulis tentang kehidupan masyarakat kota pula (tanpa mengabaikan kisah masyarakat desa).

6.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kita dapat menyatakan bahawa permasalahan sosial yang tercermin dalam novel Najīb Mahfūz dan Shahnnon Ahmad jelas terserlah dalam kedua-dua karya yang telah dipilih untuk kajian ini. Permasalahan itu pula dilihat tidak banyak bezanya antara satu sama lain. Kemiskinan adalah masalah utama bagi masyarakat kedua-dua negara yang datang dari dunia ketiga sebelum dan selepas kemerdekaan negara-negara tersebut. Kemiskinan yang begitu sinonim dengan masyarakat dunia ketiga menjadi isu yang paling dominan lewat tulisan-tulisan mereka. Malahan permasalahan-permasalahan lain yang timbul bolehlah dikatakan berpunca dari faktor kemiskinan yang menghantui masyarakat kedua-dua negara yang baru mencapai kemerdekaan dari belunggu penjajahan itu. Hasil dari analisis pengkaji terhadap karya-karya yang dipilih mendapati kedua-dua pengarang tersebut telah berjaya membawa dan mengetengahkan fenomena tersebut di dalam karya-karya mereka itu.

Kemiskinan di dalam novel yang dihasilkan oleh Najīb Mahfūz dilihat lebih mencerminkan permasalahan masyarakat bawahan di bandar. Hal tersebut bukanlah suatu perkara yang menghairankan jika dilihat kepada latar belakang kehidupan beliau sendiri sememangnya dilahirkan dan tinggal di kota Kaherah. Sementara itu, bagi Shahnnon Ahmad yang lahir dan membesar di desa pula, kemiskinan di dalam novelnya sentiasa dikaitkan dengan kehidupan masyarakat tersebut. Namun dengan penghijrahannya ke bandar Shahnnon mendapati masyarakat yang tinggal di sana juga tidak terlepas dari menghadapi masalah yang sama terutama bagi masyarakat setinggan. Hal ini dapat dilihat dalam novelnya yang lain seperti *Seluang Menodak Baung*. Bagi seseorang penulis yang tinggal di dalam suasana yang tertentu, sudah tentulah lebih cenderung untuk membawa pengalamannya itu ke dalam karyanya.

Dari analisis yang dijalankan juga mendapati permasalahan kemiskinan ini juga boleh memberi kesan kepada timbulnya masalah yang lain. Masaalah keruntuhan moral dengan wujudnya masalah pelacuran contohnya, dilihat adalah hasil dari kesempitan hidup yang dialami masyarakat kota. Kes seperti ini boleh kita dilihat kepada Nafisah dari novel *Bidāyah wa Nihāyah*. Masaalah terhalang dari mendapat peluang pendidikan pula adalah kesan dari kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat kampung. Hal tersebut dapat dilihat kepada anak-anak Lahuma di dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* yang tidak bersekolah kerana dikerah untuk membantu meringankan beban kerjanya di sawah.

Selain dari keruntuhan moral dan masalah pendidikan kemiskinan juga membawa kesan sampingan bagi kehidupan bermasyarakat. Wujudnya jurang kelas antara masyarakat adalah antara masalah sampingan (kesan dari kemiskinan) yang cuba diketengahkan oleh kedua-dua orang penulis. Dari penelitian yang dilakukan,

karya-karya Najīb Mahfūz dilihat lebih ketara dalam membicarakan jurang kelas yang terdapat di dalam masyarakat. Hal ini mungkin disebabkan pengaruh-pengaruh luaran yang mempengaruhi tulisan beliau. Kehidupan kota yang dijalaninya sejak dari kecil, dilihat adalah faktor utama kepada perkara tersebut. Berbanding Shahnun yang berasal dari desa yang mundur, jurang kekayaan di dalam masyarakat kota tentulah lebih luas. Hal itu dapat diikuti didalam novel *Bidāyah wa Nihāyah* dengan watak Hasanain dan Ahmad Yusrī Bey seorang pegawai tinggi kerajaan. Hasanain yang telah kematian bapa menjalani kehidupan di dalam serba kekurangan. Apatah lagi bapanya Kamāl °Alī semasa hayatnya hanyalah pekerja biasa di sebuah jabatan kerajaan dengan gaji yang tidak seberapa tidak dapat meninggalkan apa-apa untuk diwarisi. Hasrat Hasanain untuk memperisterikan anak perempuan Yusrī Bey telah ditolak begitu sahaja oleh beliau atas alasan darjat yang tidak sama di antara kedua pihak. Akibatnya Hassanain sanggup membiarkan kakaknya membunuh diri. Hassanain sendiri akhirnya telah membunuh diri setelah merasakan maruah diri dan kedudukannya sebagai pegawai tinggi tentera tercalar.

Rangkuman dari dapatan di atas bolehlah diringkaskan kepada tiga perkara utama iaitu:

- Kedua-dua novel ini telah mengangkat masalah kemiskinan sebagai tema utama.
- Perjalanan kisah kedua-dua novel ini juga dilihat mempunyai beberapa persamaan di antara satu sama lain. Bermula dari kematian Kamāl Afandi °Alī dan Lahuma, perjalanan hidup kedua-dua keluarga ini mula dipenuhi ranjau dan duri. Walaupun cara kehidupan keluarga Kamāl Afandi °Alī yang tinggal di bandar Kaherah mungkin agak berbeza dengan keluarga Lahuma yang tinggal di kampung, namun jika dilihat dari sudut kemiskinan dan penderitaan mereka sebenarnya berkongsi masalah yang sama. Dalam usaha untuk meneruskan kehidupan, seluruh anggota keluarga terpaksa berganding bahu menyumbang tenaga bagi mencari sesuap nasi untuk mengalas perut. Penderitaan dari kemiskinan juga menyebabkan kepada permasalahan sosial yang lain. Nafīshah (anak perempuan Kamal Afandi °Alī) terjebak ke lembah pelacuran berpunca dari kemiskinan tersebut. Jeha (isteri Lahuma) yang menjadi tidak siaman hasil dari penderitaan yang dialaminya, juga adalah menjadi beban dan masalah kepada penduduk kampungnya.
- Najīb Mahfūz dan Shahnun Ahmad mengakhiri novel mereka tanpa memberi penyelesaian yang jelas kepada konflik yang dihadapi oleh kedua-dua keluarga. Teknik penutup dari kedua-dua penulis ini seolah-olah secara simboliknya menggambarkan betapa beratnya masalah kemiskinan ini yang ternyata tidak ada penyelesaiannya.

Rujukan

- A. Wahab Ali (1989). *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aasi, Michel Dr. (1990). *Fi al-Naqd al-Adabi*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ilmi lil-Malayin.
- Al-Jamili, Sayyar Kaukib Ali Dr. t.th. *Al-Nahdhoh al-Arabiah al-Hadithah wa al-Muasirah*. Dlm. *Al-Ummah al-Arabiah*, hlm83-119. Baghdad: Wazarah Ta`lim al-Aali.
- El Enany, Rasheed (1993). *Naguib Mahfouz The pursuit of meaning*. London: Routledge.

- Enani, M.M.. (1989). *Naguib Mahfouz Nobel 1988 Egyptian Perspectives: A collection of critical essays*. Egypt: General Egyptian Book Organization.
- Ismail, Abd Muniim Dr. (1981). *Nazoriah al-adab wa manahij al-dirasat al-adabiah*. Kuwait: Maktabah Dar al-Fallah.
- Mahfuz, Najib. (1987). *Bidayah wa Nihayah*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mayfield, James B. (1971). *Rural Politics In Nasser`s Egypt, A quest for legitimacy*. San Antonio: Capital Printing Company.
- Mohd Yusof Hasan (1995). *Koleksi terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja` Eid Dr. (1974). *Dirasah fi Adab Najib Mahfuz Tahlil wa Naqd*. Iskandariah: Munsyaatul Maarif.
- Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu Mutakhir*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salam, Mohd Zaghlul Dr. (1973). *Dirasah fi al-Qissah al-Arabiah al-Hadithah*. Iskandariah: Munsyaatul Maarif.
- Shahnnon Ahmad (1971). *Ranjau sepanjang jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.
- Shahnnon Ahmad (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz Dr. (2001). *Kesusasteraan bandingan perkembangan pendekatanpraktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd.
- Talib Samat (2002). *Selayang pandang dunia sastera dan penulisan*. Shah Alam: Karisma Publications SDN. BHD.
- Yasin al-Sayyid. t.th. *al-Tahlil al-ijtimaai lil-adab*. Cairo: Dar al-Maarif.
- Yusof Izzuddin Dr.(1973). *Fi al-Adab al-Arabi al-Hadith*. Cairo: Al-Maktabah al-Arabiah.